



**TINJAUAN PERSEPSI PENGGUNAAN BAHAN
BANTU MENGAJAR BERASASKAN MULTIMEDIA
BAGI MATA PELAJARAN BIOLOGI DALAM
KALANGAN MURID TINGKATAN EMPAT**



MAISARAH BINTI MOHAMAD AZIZI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



TINJAUAN PERSEPSI PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR
BERASASKAN MULTIMEDIA BAGI MATA PELAJARAN
BIOLOGI DALAM KALANGAN MURID
TINGKATAN EMPAT

MAISARAH BINTI MOHAMAD AZIZI

LAPORAN KERTAS TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN BIOLOGI
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



FAKULTI SAINS DAN MATEMATIK PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 haribulan Februari 2024.

i. Perakuan Pelajar:

Saya, MAISARAH BINTI MOHAMAD AZIZI bernombor matrik D20201095324 dengan ini mengaku bahawa laporan projek penyelidikan tahun akhir bertajuk TINJAUAN PERSEPSI PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERASASKAN MULTIMEDIA BAGI MATA PELAJARAN BIOLOGI DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN EMPAT adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar:

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. SYAKIRAH BINTI SAMSUDIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk TINJAUAN PERSEPSI PENGGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR BERASASKAN MULTIMEDIA BAGI MATA PELAJARAN BIOLOGI DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN EMPAT dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada JABATAN BIOLOGI bagi memenuhi syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (BIOLOGI) DENGAN KEPUJIAN.

Tarikh:

Tandatangan Penyelia:

PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin dan kurnianya saya mampu melengkapkan laporan penyelidikan untuk projek tahun akhir dalam waktu yang ditetapkan dengan baik bagi memenuhi keperluan bagi menamatkan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Biologi di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Dengan penuh kerendahan hati, saya ingin menyatakan penghargaan yang mendalam kepada Profesor Madya Dr. Syakirah Binti Samsudin yang merupakan pensyarah penyelia bagi projek tahun akhir saya yang telah banyak menyumbangkan ilmu berkaitan kemahiran dan langkah-langkah yang praktikal bagi menjalankan penyelidikan secara sistematik. Beliau juga telah membimbing saya dengan sangat baik bagi melengkapkan kajian saya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada ibu dan bapa saya atas doa yang tidak putus-putus serta sokongan dan galakan yang diberikan. Dengan sokongan dan galakan yang diberikan, saya mampu menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak menghulurkan bantuan dan mendorong saya untuk terus berusaha. Bantuan dan dorongan yang diberikan amatlah dihargai.

Akhir sekali, ribuan terima kasih juga diucapkan dan tidak lupa juga kepada semua pihak termasuk yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Proses penyiapan tugas ini tidak akan berjalan dengan lancar tanpa tunjuk ajar dan kerjasama daripada setiap pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

ABSTRAK

Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia bagi mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat. Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah di daerah Kerian, Perak. Sampel kajian adalah seramai 136 murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Biologi dari populasi murid seramai 223 orang. Kajian ini telah mendapat kesahan daripada empat orang pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris. Instrumen kajian telah memperolehi kesahan dengan purata keseluruhan nilai pekali kesahan sebanyak 0.85 bagi kesahan kandungan dan 0.90 bagi kesahan muka. Nilai *Cronbach's Alpha* bagi keseluruhan instrumen merupakan 0.946. Dapatan kajian mendapati bahawa murid-murid yang terlibat dalam kajian mendapat purata nilai min dan sisihan piawai adalah 4.039 ± 0.818 bagi konstruk minat terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia. Seterusnya, bagi konstruk persepsi terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia, nilai min dan sisihan piawai adalah 4.023 ± 0.807 . Nilai min dan sisihan piawai bagi persepsi murid lelaki adalah 4.183 ± 0.576 manakala nilai min dan sisihan piawai bagi murid perempuan adalah 3.957 ± 0.680 . Tiada perbezaan yang signifikan di antara persepsi murid lelaki dan perempuan, $p=0.070$, terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat. Kesimpulannya, murid bersetuju bahawa mereka berminat dan mempunyai persepsi yang baik terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia. Persepsi murid lelaki dan perempuan terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia adalah sama. Dengan adanya pendekatan menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia, keperluan murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran dapat dipenuhi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Bahan bantu mengajar, multimedia, Biologi, persepsi, minat

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the perception of the use of multimedia-based teaching aids for the subject of Biology among form four students. This study involved schools in the district of Kerian, Perak. The study sample was a total of 136 form four students who took Biology from a population of 223 students. This study has been validated by four lecturers at Sultan Idris University of Education. The research instrument has obtained validity, with an average overall validity coefficient value of 0.85 for content validity and 0.90 for face validity. Cronbach's Alpha value for the entire instrument was 0.946. The study's results indicated that the students involved got an average mean value of 4.039 ± 0.818 for the interest construct towards the use of multimedia-based teaching aids. Next, for the construct of perception towards the use of multimedia-based teaching aids, the mean value and standard deviation were 4.023 ± 0.807 . The mean and standard deviation for male students' perception were 4.183 ± 0.576 , while female students' perception were 3.957 ± 0.680 . There is no significant difference between the perceptions of male and female students, $p = 0.070$, towards the use of multimedia-based teaching aids during the teaching and learning sessions of Biology subjects among form four students. In conclusion, students agree that they were interested in and have a good perception of the use of multimedia-based teaching aids, with males and females having the same perception. Multimedia-based teaching aids can effectively cater to the diverse learning styles of students during teaching and learning sessions.

Keywords: Teaching aids, multimedia, Biology, perception, interest

KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Hipotesis Kajian.....	10
1.7	Kerangka Konseptual.....	11
1.8	Definisi Operasi	13
1.8.1	Bahan Bantu Mengajar	13
1.8.2	Multimedia	14
1.8.3	Minat.....	15
1.8.4	Persepsi.....	15
1.8.5	Murid Tingkatan Empat.....	16

1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Kepentingan Kajian	18
1.11	Rumusan Bab	19

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	20
2.2	Elemen dalam Multimedia	21
2.2.1	Teks	21
2.2.2	Imej Grafik Statik	22
2.2.3	Animasi	22
2.2.4	Audio	23
2.2.5	Video Gerak Penuh	23
2.3	Teori dan Model yang Mendasari Kajian	24
2.3.1	<i>Four-Phase Model of Interest Development</i>	24
2.3.2	Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia	26
2.3.3	Teori Skema Jantina	27
2.4	Dapatan Kajian Lepas	28
2.4.1	Minat Murid terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	28
2.4.2	Persepsi Murid terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	29
2.4.3	Perbezaan Murid Lelaki dan Perempuan terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	30
2.5	Rumusan Bab	32

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	33
3.2	Reka Bentuk Kajian	34
3.3	Populasi dan Sampel	35

3.4	Instrumen Kajian	36
3.5	Kesahan Instrumen	38
3.6	Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen	40
3.7	Prosedur Pengumpulan Data.....	43
3.8	Kaedah/Teknik Menganalisis Data	45
3.9	Rumusan Bab.....	47

BAB 4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Pengenalan.....	48
4.2	Dapatan Kajian	48
4.2.1	Minat Murid terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	50
4.2.2	Persepsi terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	53
4.2.3	Perbezaan Persepsi Murid Lelaki dan Perempuan terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia.....	56
4.3	Perbincangan.....	57
4.3.1	Minat Murid terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	57
4.3.2	Persepsi terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	59
4.3.3	Perbezaan Persepsi Murid Lelaki dan Perempuan terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia.....	62
4.4	Rumusan Bab.....	63

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.....	64
5.2	Kesimpulan Kajian	64
5.2.1	Minat Murid terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	65

5.2.2	Persepsi terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	65
5.2.3	Perbezaan Persepsi Murid Lelaki dan Perempuan terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia.....	66
5.3	Implikasi Kajian.....	66
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan.....	68
5.5	Rumusan Bab.....	68
RUJUKAN		69
LAMPIRAN A		A1
LAMPIRAN B		B1
LAMPIRAN C		C1
LAMPIRAN D		D1



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Kaedah Krejcie dan Morgan (1970) bagi Menentukan Saiz Sampel daripada Populasi Tertentu	36
3.2	Skala Likert Lima Mata	38
3.3	Nilai Kesahan Kandungan oleh Pakar yang Dipilih	39
3.4	Nilai Kesahan Muka oleh Pakar yang Dipilih	40
3.5	Panduan Tahap Nilai Pekali Kebolehpercayaan bagi Kaedah <i>Cronbach's Alpha</i>	42
3.6	Nilai <i>Cronbach's Alpha</i> bagi Setiap Bahagian Soal Selidik	42
3.7	Skala Interpretasi Skor Min	45
3.8	Agihan Bahagian dalam Instrumen Kajian	47
4.1	Hasil Analisis Item bagi Konstruk Minat terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	51
4.2	Hasil Analisis Item bagi Konstruk Persepsi terhadap Penggunaan BBM Berasaskan Multimedia	54



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	12
3.1	Ringkasan Prosedur Pengumpulan Data	44

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan bantu mengajar
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EPRD	<i>Educational Planning and Policy Research Division</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
PdP	Pengajaran dan pembelajaran
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SPSS	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

SENARAI LAMPIRAN

- A BORANG SOAL SELIDIK**
- B BORANG KESAHAN KANDUNGAN**
- C BORANG KESAHAN MUKA**
- D OUTPUT SPSS**

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Murid merupakan kayu ukur kepada kemajuan sesebuah negara. Murid yang cemerlang dalam akademik sedikit sebanyak dapat menjadi penyumbang kepada kemajuan negara. Kecemerlangan akademik merujuk kepada kesemua usaha yang dilaksanakan untuk mencapai prestasi yang terbaik (Halimatus Saadiah Kariya, 2020). Dalam usaha melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, pendidikan STEM iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik amatlah dititikberatkan. Pengukuhan Pendidikan STEM juga disokong oleh Dasar 60% Sains : 40% Sastera (Dasar 60:40) (Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, 2020). Murid mempunyai persepsi yang kurang menyenangkan terhadap mata pelajaran-mata



pelajaran Sains kerana menganggap Sains merupakan mata pelajaran yang sukar (Nur Amelia Adam, 2019). Bagi memastikan dasar ini tercapai, murid haruslah mempunyai persepsi yang baik terhadap mata pelajaran-mata pelajaran Sains ini. Salah satu alternatif yang dapat dilaksanakan adalah guru haruslah mempelbagaikan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) agar kualiti pengajaran dapat ditingkatkan lagi bagi mengubah mentaliti murid-murid di Malaysia bahawa mata pelajaran-mata pelajaran Sains ini adalah mata pelajaran yang menarik dan mudah bagi menarik minat murid untuk lebih berani untuk menceburi bidang Sains, khususnya mata pelajaran Biologi. Oleh itu, menurut Hanifah Mahat et al. (2020), BBM berasaskan multimedia merupakan jenis BBM yang dapat memberi pengaruh yang signifikan kepada murid-murid dengan membantu mereka dalam bilik darjah.



Oleh itu, penggunaan BBM berasaskan multimedia sewajarnya diimplementasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains terutamanya mata pelajaran Biologi. Hal ini selari dengan pengajaran abad ke-21 yang menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi melalui pengimplementasian multimedia ketika sesi PdP.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pembelajaran berasaskan multimedia menggabungkan pelbagai media dalam suatu sesi PdP yang dapat membekalkan informasi yang padat berkaitan kandungan pembelajaran pada sesi tersebut kepada murid-murid. Menurut suatu kajian tinjauan yang telah dijalankan oleh Nur Fatin Shamimi Che Ibrahim, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd. Rain Shaari & Kesavan Nallaluthan (2021) bagi mengenal pasti persepsi murid bagi aplikasi multimedia interaktif dalam sesi PdP abad ke-21, hampir keseluruhan murid memiliki persepsi yang baik terhadap aplikasi multimedia tersebut di dalam bilik darjah. Oleh itu, dapatan kajian telah membuktikan bahawa kaedah penggunaan BBM berasaskan multimedia ini dapat membantu murid untuk lebih fokus serta membantu murid memahami kandungan pembelajaran dengan lebih mudah.



Sejajar dengan inisiatif MyDIGITAL, BBM berasaskan multimedia ini dilihat sebagai elemen yang penting dan salah satu usaha dalam sektor pendidikan bagi mendidik murid-murid ke arah pendigitalan negara. Menurut YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin, iaitu Perdana Menteri Malaysia yang ke-10, MyDIGITAL ini menggariskan rancangan untuk menyegerakan pencapaian Malaysia sebagai negara ekonomi maju dari segi teknologi melalui Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia yang menyasarkan agar kesemua guru di Malaysia memanfaatkan peralatan dan teknologi digital dalam pelaksanaan sesi PdP. Hal ini bagi menyokong Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) (Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2022). Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital





Malaysia ini selari dengan konsep Malaysia MADANI (Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, 2023).

Pada tahun 2021, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggubal Dasar Pendidikan Digital dengan tujuan untuk melahirkan generasi yang mahir dalam teknologi digital serta mampu bersaing secara efektif (Berita Harian, 2023). Hal ini juga menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menitikberatkan penggunaan teknologi digital dalam pelaksanaan PdP. Pada tahun 2023, Dasar Pendidikan Digital telah berada pada peringkat akhir bagi memuktamadkan dasar ini yang akan menjadi elemen penting dalam sesi PdP murid di Malaysia pada masa akan datang (Siti Aminah Mohd Yusof, 2023). Dasar yang akan menjadi elemen penting dalam sesi PdP murid di Malaysia pada masa akan datang ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mei 2023. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya pengintegrasian multimedia bagi sesi PdP bagi KPM dalam membantu pembelajaran murid. Oleh itu, pengintegrasian multimedia dalam PdP haruslah dilaksanakan oleh guru dalam usaha menormalisasikan penggunaan teknologi digital semasa proses PdP berlangsung.

Bekas Menteri Pendidikan Malaysia iaitu Datuk Dr. Mohd Radzi Bin Md Jidin berkata bahawa KPM sentiasa menitikberatkan penggunaan teknologi digital dalam pelaksanaan sesi PdP. Beliau turut menyatakan bahawa bakal pendidik yang sedang menghadapi latihan di Institut Pendidikan Guru telah ditetapkan untuk mengambil kursus Teknologi untuk PdP dan Inovasi Digital dalam PdP dimana menerusi kursus





tersebut, bakal guru akan memiliki kemahiran bagi menghasilkan dan memanfaatkan bahan digital bagi membantu proses pembelajaran murid di sekolah. Kursus tersebut juga dapat membantu bakal-bakal guru tersebut menghasilkan bahan digital yang berkualiti dan melatih bakal-bakal guru untuk mengurus media dan BBM dengan cekap bagi membantu proses pembelajaran murid di sekolah (BERNAMA, 2021).

Selain itu, oleh kerana mata pelajaran Biologi merupakan mata pelajaran yang menuntut daya ingatan dan kefahaman yang tinggi, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Biologi juga menekankan pengaplikasian multimedia kepada hampir setiap topik Biologi tingkatan empat dalam bilik darjah. Umumnya, pada pembelajaran abad ke-21 ini, memang sewajarnya pengaplikasian multimedia dalam bilik darjah dilaksanakan bagi memastikan semua murid dapat memahami, visualisasikan proses dan kandungan mata pelajaran serta sukses dalam mata pelajaran Biologi ini.

Kajian ini juga dilaksanakan bersandarkan *Four-Phase Model of Interest Development*, Teori Skema Jantina dan Teori Kognitif Pembelajaran yang merupakan faktor pendorong bagi penggunaan BBM berasaskan multimedia ini.





1.3 Pernyataan Masalah

Murid-murid sering menganggap Sains merupakan mata pelajaran yang sukar (Nur Amelia Adam, 2019). Hal ini berkemungkinan besar disebabkan oleh sesi PdP yang membosankan yang dapat mewujudkan rasa bosan dan malas kepada murid untuk belajar (Akla, 2021). Hal ini seterusnya dapat mengurangkan semangat murid untuk belajar dan menyebabkan murid kurang fokus dalam sesi PdP. Sikap-sikap negatif ini akhirnya akan mengurangkan motivasi sendiri untuk terus bersemangat semasa sesi PdP berlangsung. Menurut Hayatul Husna, Siska Nerita, & Elza Safitri (2023), kekurangan aktiviti yang menarik dalam sesi PdP serta kurangnya motivasi sendiri adalah antara punca yang mempengaruhi kesukaran murid untuk mempelajari mata pelajaran Biologi. Oleh itu, pengaplikasian BBM yang menarik mampu memberi kesan yang signifikan kepada minat dan pemahaman murid. Hasil kajian Arya & Manisha (2018) mendapati bahawa murid-murid mempunyai prestasi yang lebih baik apabila penggunaan BBM berasaskan multimedia digunakan berbanding kaedah pengajaran tradisional iaitu kaedah pengajaran secara terus di mana BBM berasaskan multimedia tidak digunakan. Minat murid terhadap sesuatu BBM dalam sesi PdP sangatlah penting agar dapat membantu meningkatkan fokus murid dalam sesi PdP.

Bukan sahaja faktor minat murid, bahkan jurang generasi juga dilihat sangat ketara dari segi gaya pembelajaran generasi terdahulu dan generasi yang terkini yang menduduki bangku sekolah menengah iaitu generasi Z dan alpha. Hal ini demikian kerana generasi Z dan generasi alpha mempunyai kecenderungan pembelajaran yang





berlainan jika dibandingkan dengan generasi sebelumnya (Nor Asmawati Ismail, Najihah Abd Wahid & Norsuhada Mat Hasan, 2019). Oleh itu, jurang generasi ini dilihat sebagai faktor yang amat membimbangkan jika guru hanya menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional. Namun begitu, persepsi murid terhadap BBM berasaskan multimedia ini juga diperlukan agar guru boleh mengaplikasikan BBM berasaskan multimedia yang menitikberatkan kefahaman murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran ini dengan lebih kerap.

Menurut Wang & Hung (2022), jantina dianggap sebagai faktor utama yang boleh mempengaruhi persepsi murid terhadap pembelajaran berasaskan multimedia. Hasil tinjauan yang dijalankan oleh Abidoeye & Olorundare (2020) yang mengkaji berkaitan gaya pembelajaran murid bagi mata pelajaran Biologi mendapati bahawa majoriti murid menggunakan gaya pembelajaran visual bagi mata pelajaran Biologi iaitu sebanyak 64% responden. Hasil kajian yang telah dijalankan oleh Norezan Ibrahim & Zulinda Ayu Zulkipli (2022) pula mendapati bahawa majoriti gaya pembelajaran didominasi oleh murid perempuan berbanding lelaki. Hanya gaya pembelajaran kinestetik dan pembelajaran secara individu sahaja lebih membantu murid lelaki berbanding perempuan. Dalam usaha mengimbangkan pencapaian dalam bidang Sains bagi lelaki dan perempuan, perbezaan persepsi terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia antara dua jantina ini terhadap mata pelajaran Biologi sangatlah penting untuk dikaji. Oleh itu, minat dan persepsi murid haruslah diambil kira bagi mengetahui pendapat murid-murid di daerah Kerian, Perak berkaitan BBM berasaskan multimedia. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan juga bertujuan ingin





mengenal pasti sama ada murid perempuan mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap pengaplikasian multimedia sebagai BBM ataupun murid lelaki.

Namun begitu, sejauh mana minat dan persepsi murid terhadap BBM berasaskan multimedia ini sama ada membantu dan sangat berguna kepada murid tingkatan empat di daerah Kerian, Perak ini bagi mata pelajaran Biologi tidak dapat dipastikan. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa tujuan utama kajian tinjauan ini dijalankan adalah bagi membantu murid-murid untuk meningkatkan fokus semasa sesi PdP bagi mata pelajaran Biologi berlangsung. Kajian ini juga dijalankan agar guru lebih cakna sama ada penggunaan BBM berasaskan multimedia ini lebih membantu murid perempuan ataupun murid lelaki agar guru dapat melaksanakan penggunaan BBM berasaskan multimedia ini secara berkesan dan seterusnya memilih BBM atau kaedah mengajar yang paling efektif kepada murid lelaki mahupun murid perempuan. Kajian lepas yang dilaksanakan oleh Norezan Ibrahim & Zulinda Ayu Zulkipli (2022) mendapati bahawa gaya pembelajaran yang berkait dengan pengaplikasian multimedia dalam bilik darjah ini lebih membantu atau berpihak kepada murid perempuan berbanding murid lelaki.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

1.4.1 Mengetahui minat murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat.

1.4.2 Mengetahui persepsi terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat.

1.4.3 Mengetahui perbezaan persepsi murid lelaki dan perempuan tingkatan empat terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Apakah minat murid terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat?

1.5.2 Apakah persepsi terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat?

1.5.3 Adakah terdapat perbezaan di antara persepsi murid lelaki dan perempuan tingkatan empat terhadap penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi?

1.6 Hipotesis Kajian

Tiada perbezaan yang signifikan di antara persepsi murid lelaki dan perempuan terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia semasa sesi PdP mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat.

1.7 Kerangka Konseptual

Menurut Khalid Johari (2003), kerangka konseptual kajian dapat mengilustrasikan pertalian antara teori, model dan pemboleh ubah. Kerangka konseptual ini mampu membantu penyelidik untuk memfokuskan kepada masalah yang ingin dikaji dan menyatakan secara jelas berkaitan latar belakang kajian ini.


Dasar Pendidikan Digital, MyDIGITAL DSKP Biologi, perbezaan generasi Z dan generasi alpha, *Four-Phase Model of Interest Development*, serta Teori Skema Jantina merupakan pendorong kepada penggunaan BBM berasaskan multimedia di Malaysia manakala Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia merupakan pendorong yang membuktikan pembelajaran menggunakan BBM berasaskan multimedia ini sebenarnya berkesan.

Namun begitu, walaupun BBM berasaskan multimedia dijamin keberkesanannya melalui faktor-faktor pendorong yang telah disebut dalam ayat sebelum ini, persepsi murid terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia, sama ada baik atau sebaliknya kepada murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Biologi masih bergantung kepada minat murid iaitu sama ada murid meminati penggunaan BBM berasaskan multimedia, sama ada guru pernah atau seringkali menggunakan BBM berasaskan multimedia ini dan jantina murid seperti yang akan dikaji dalam kajian ini. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual bagi persepsi

terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia terhadap mata pelajaran Biologi dalam kalangan murid tingkatan empat di daerah Kerian, Perak.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian





1.8 Definisi Operasi

Definisi operasi merupakan penjelasan berkaitan pembolehubah dan istilah yang diguna pakai dalam kajian.

1.8.1 Bahan Bantu Mengajar

Bahan bantu mengajar adalah pemudahcara yang pengajar gunakan ketika mengajar.

BBM bermaksud *teaching aid* dalam istilah Bahasa Inggeris, di mana *teaching* boleh

diertikan sebagai ta'lim. BBM boleh didefinisikan sebagai wahana pendidikan, dengan menyalurkan informasi dan pengetahuan daripada guru kepada murid (Kamarul Azmi

Jasmi, 2016).

Dalam konteks kajian yang dijalankan, BBM merupakan alat bantuan yang digunakan bagi mencapai matlamat pembelajaran di mana BBM berasaskan multimedia digunakan sebagai pemudahcara bagi sesi PdP.





1.8.2 Multimedia

Menurut Zeki, Badi & Abubakar (2015), istilah multimedia adalah gabungan daripada dua perkataan iaitu '*multi*' dan '*media*'. '*Multi*' ialah ringkasan daripada perkataan berbahasa Inggeris iaitu '*multiple*', yang bermaksud banyak atau beberapa perkara yang boleh dikira. Media pula bermaksud format maklumat digital yang berbeza yang boleh dipersembahkan kepada pengguna secara elektronik. Oleh itu, multimedia boleh ditakrifkan sebagai penggunaan dua atau lebih media seperti teks, bunyi, imej, animasi dan video dalam format digital. Secara keseluruhannya, multimedia merangkumi semua yang kita lihat, dengar, baca atau sentuh, kebanyakannya dalam bentuk imej atau gambar, bunyi, audio, video, rekod, filem, animasi atau banyak lagi. Menurut Savov, Antonova, & Spassov (2019) pula, pengaplikasian multimedia dalam pendidikan dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan meningkatkan pengetahuan murid.

Dalam kajian ini, multimedia merujuk kepada jenis BBM. Pembelajaran berasaskan multimedia ini menggabungkan pelbagai media dalam suatu sesi PdP yang dapat membekalkan informasi yang padat berkaitan kandungan pembelajaran pada sesi tersebut kepada murid-murid. Elemen multimedia termasuklah teks, imej grafik statik, animasi, bunyi audio dan video gerak (Pavithra, Aathilingam & Murukanantha Prakash, 2018). Gabungan pengintegrasian beberapa elemen tersebut oleh guru dalam sesi PdP disebut sebagai BBM berasaskan multimedia.





1.8.3 Minat

Menurut Shanty (2019), perkataan minat boleh didefinisikan sebagai keadaan di mana seseorang itu ingin belajar atau bersikap ingin tahu terhadap sesuatu perkara. Minat individu dikategorikan sebagai tinggi apabila individu tersebut sangat tertarik dengan hal yang menarik perhatiannya (Hazwani Ubaidillah, Nur Afifah Saharuddin & Nur Khayati Basir, 2020). Minat terhadap pembelajaran bergantung kepada beberapa faktor iaitu motivasi, perhatian, konsep sendiri dan tabiat belajar (Shanty, 2019). Menurut Hazwani Ubaidillah, Nur Afifah Saharudin & Nor Khayati Basir (2020), minat terhadap sesuatu perkara dapat merangsang perubahan sikap yang lebih positif terhadap individu.



Dalam kajian ini, minat merujuk kepada minat murid terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia oleh guru semasa sesi PdP. Minat murid terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia dalam mata pelajaran Biologi diukur dalam kajian ini.

1.8.4 Persepsi

Menurut Dorji (2022), persepsi merupakan cara seseorang menganggap, memahami dan menafsirkan sesuatu perkara. Menurut Meiliyati (2022) pula, persepsi ialah proses memahami diri sendiri, menilai, bertindak balas, dan mentafsir maklumat atau





rangsangan daripada persekitaran sekeliling yang diterima melalui pancaindera. Persepsi juga boleh membawa erti sebagai tindakan menyusun, mengenali, dan mentafsir maklumat deria untuk memberi gambaran dan pemahaman tentang alam sekitar (Yulhaidir & Annisa, 2023). Menurut Rogers (2017) dalam Felisberti (2018) pula, persepsi ialah proses di mana deria kita membimbing dan mengawal tingkah laku kita. Oleh itu, persepsi dapat membantu kita menggunakan maklumat yang mencapai deria kita untuk membimbing dan mengawal tingkah laku kita. Persepsi adalah elemen yang penting dalam membentuk minat terhadap suatu pembelajaran (Nur Afifah Fadzil, Nurazman Jaafar & Ahmad Nurilakmal Norbit, 2021).

Dalam kajian ini, persepsi merujuk kepada gambaran dalam fikiran murid terhadap pengaplikasian BBM berasaskan multimedia oleh guru semasa sesi PdP. Persepsi murid terhadap penggunaan BBM berasaskan multimedia dalam mata pelajaran Biologi merupakan pembolehubah yang diukur dalam kajian ini melalui penerimaan, penilaian dan tindak balas murid terhadap multimedia menurut pendapat murid.

1.8.5 Murid Tingkatan Empat

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, murid-murid yang berumur 16 hingga 17 tahun merupakan murid tingkatan empat dan tergolong dalam Pendidikan Menengah Atas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023).



Dalam kajian ini, murid tingkatan empat merupakan murid yang berumur 16 tahun yang mengambil aliran Sains dan mata pelajaran Biologi yang bersekolah di daerah Kerian, Perak.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian yang pertama adalah responden kajian hanya terdiri daripada murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Biologi secara rawak di daerah Kerian untuk digeneralisasikan bagi seluruh populasi dengan anggapan bahawa populasi juga mempunyai minat dan persepsi yang sama dengan sampel. Seterusnya, kajian ini tidak meliputi semua mata pelajaran dan hanya boleh diguna pakai dan dijadikan rujukan bagi mata pelajaran Biologi sahaja. Data yang dikumpulkan juga bergantung kepada kejujuran responden semasa mengisi borang soal selidik. Hasil dapatan juga tidak boleh mewakili seluruh murid di Malaysia kerana hanya melibatkan murid-murid di daerah Kerian sahaja. Namun begitu, kajian ini boleh menjadi rujukan agar guru-guru di Malaysia dapat menambahbaik kualiti pengajaran.



1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada:

i. Guru

Kajian ini dapat membantu guru mengetahui minat dan persepsi murid-murid terhadap penggunaan multimedia dalam sesi PdP. Kajian ini menyokong Dasar Pendidikan Digital dengan menggalakkan guru-guru di Malaysia bagi melaksanakan penggunaan multimedia sebagai BBM ketika sesi PdP. Oleh itu, kajian ini dapat membantu guru untuk lebih membiasakan serta membanyakkan lagi penggunaan multimedia dalam bilik darjah.

ii. Murid

Kajian ini dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman murid bagi mata pelajaran Biologi melalui pengaplikasian BBM berasaskan multimedia oleh guru berdasarkan minat dan persepsi murid agar dapat meningkatkan prestasi mereka bagi mata pelajaran ini. Penggunaan BBM berasaskan multimedia ini juga mampu membantu murid yang mempunyai pelbagai gaya pembelajaran.





1.11 Rumusan Bab

Bab ini menjelaskan tentang rumusan latar belakang kajian. Bab seterusnya akan menceritakan tentang teori yang mendasari kajian dan kajian-kajian lepas yang berkait dengan kajian.

